

15 JUN 1999

Khalil-Anggota

AHLI UMNO SEMAKIN BERTAMBAH, KATA KHALIL

KUALA LUMPUR, 15 Jun (Bernama) -- Dakwaan pembangkang khususnya PAS kononnya ramai anggota Umno telah menyertai mereka nyata meleset apabila Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob mengumumkan hari ini bahawa bilangan anggota Umno yang berdaftar setakat ini ialah 2,777,086 orang.

"Jadi, jika ada trend orang keluar Umno, ia tidak kelihatan," kata beliau ketika ditanya mengenai jumlah anggota Umno yang keluar dari parti sejak Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat dari parti itu pada 3 Sept lepas.

Bercakap ketika memberi taklimat kepada media mengenai Perhimpunan Agung Umno yang akan berlangsung selama empat hari mulai Khamis ini di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, Khalil berkata jumlah anggota terus meningkat walaupun selepas beberapa peristiwa kebelakangan ini.

Selepas pemecatan Anwar, parti-parti pembangkang seperti PAS dan Parti Keadilan Nasional pimpinan isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, telah mendakwa bahawa ramai anggota Umno menyertai parti mereka.

Ketika ditanya sama ada mungkin terdapat anggota Umno yang keluar dari parti tanpa memaklumkan kepada cawangan mereka, Khalil berkata jika seseorang anggota ingin keluar dari Umno, mereka harus memberikan notis kepada parti.

"Kalau tak bagi notis, mereka dianggap masih menjadi ahli Umno," kata beliau.

Khalil berkata beliau percaya tidak akan ada anggota Umno yang ingin keluar dari parti itu hanya kerana mereka bersimpati dengan seseorang.

Ditanya mengenai jumlah pertambahan anggota sejak Anwar dipecat, beliau berkata angka itu akan diberi kemudian.

Mengenai segala tohmahan serta fitnah yang dilemparkan oleh parti-parti pembangkang terhadap Umno, Khalil berkata : "Pucuk pimpinan Umno akan membalas satu persatu dakwaan mereka pada perhimpunan agung parti itu."

Beliau berkata jika penjelasan tersebut tidak diberi, ramai anggota Umno akan keliru kerana mereka akan menganggap bahawa Umno tidak mempunyai alasan untuk menangkis dakwaan pihak pembangkang.

Khalil juga berkata melalui penjelasan itu juga, perwakilan akan dapat memaklumkan kepada anggota-anggota parti di peringkat bawahan mengenai keadaan politik dan ekonomi negara yang sebenar.

Katanya, ibu pejabat Umno akan mengedar beberapa risalah berbentuk buku kecil kepada perwakilan sebagai strategi parti itu menangkis dakwaan parti pembangkang terutamanya PAS.

Antara risalah itu ialah "Mengenal Sikap PAS" dan "Parti Islam: Antara Realiti dan Fantasi".

Mengenai satu ceramah umum terbuka yang akan diadakan pada hari Khamis malam sempena Perhimpunan Agung Umno, Khalil berkata beberapa penceramah telah dijemput untuk memberikan penjelasan mengenai beberapa isu termasuk "kafir mengkafir serta mencaci orang Umno" oleh PAS.

Beliau bagaimanapun enggan memberitahu nama penceramah-penceramah yang dijemput.

"Kandungan ceramah mereka ialah untuk membalas balik apa yang dilemparkan (pada Umno)," kata beliau.

Mengenai "kejutan" yang akan dibuat oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan itu, Khalil berkata: "Saya tak boleh kata. Beliau sahaja yang tahu."

--BERNAMA

ES MAI

